

Sikap terburu-buru akan bawa kegagalan: PM

Projek Islam

BH 16 SEP 1985

dirancang rapi

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, berkata setiap projek pembangunan Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan dirancang dengan teliti dan teratur.

Katanya, kerajaan mengambil masa memikir dan merancang secara terperinci sebelum melaksanakan projek-projek Islam seperti Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam dan Syarikat Takaful.

"Sekiranya perancangan tidak diutamakan, kita mungkin terburu-buru melaksanakan apa sahaja yang menggunakan nama Islam.

Oleh **MANJA ISMAIL**

... boleh menyebabkan kegagalan" katanya dalam ucapan semasa menyambut awal Muharram yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia malam ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak melancarkan sesuatu mengenai Islam semata-mata untuk menarik simpati rakyat. Perancangan mengenai Islam termaktub dalam sistem pelajaran, perancangan pembangunan dan beberapa perancangan lain yang sesuai dengan taraf Islam sebagai agama rasmi, katanya.

"Apabila kita menyebut penerapan nilai-nilai Islam, kerajaan mengikut perancangannya dan berpendapat adalah lebih baik usaha-usaha ini dimulakan dahulu dalam pentadbirannya.

"Nilai-nilai Islam yang kita serapkan adalah nilai-nilai sejagat dan mudah difahami oleh semua rakyat. Tujuan

kita memperkenalkan dan menerapkan nilai-nilai Islam adalah bagi menjamin wujudnya masyarakat Malaysia yang berdisiplin, berruah dan bertamadun," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, perancangan yang dibuat bukan sahaja mengambil kira keupayaan kerajaan, tetapi meliputi semua kelemahan kerajaan.

"Keangkuhan kuasa dan nafsu tidak boleh dibarkan memengaruhi rancangan yang dibuat. Perhitungan teliti amat perlu jika sesuatu rancangan hendak mencapai matlamatnya.

Hijrah

"Jika perhitungan ini silap, terutama apabila didorong oleh nafsu, maka keburukan yang akan menimpa kita amatlah berat," kata Perdana Menteri.

Sehubungan itu, tegas beliau, perancang-perancang yang bertanggungjawab mestilah mengambil kira semua faktor, walaupun akhirnya Allah yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan usaha itu.

Perdana Menteri berkata, Hijrah bukan hanya bermakna 'berpindah' dari satu tempat ke tempat lain, tetapi berpindah atau meninggalkan satu perbuatan atau pekerjaan yang boleh membawa keburukan supaya akhirnya muncul kejayaan.

Karena, berkeinginan hati untuk menentang dengan serta menentang dengan menggunakan daya kemanusiaan diri sendiri dan tidak berdegit serta mengikut nafsu.

"Rasulullah tidak berhijrah semata-mata untuk menyelamatkan diri Baginda. Hijrah Junjungan Besar ialah supaya Baginda dapat meneruskan kerja-kerja mengembangkan syiar Islam yang pada ketika itu belum lengkap bentuknya.

"Ikhtiar mestilah ada dan penghijrahan Nabi dari Makkah ke Madinah ialah satu ikhtiar yang dibantu oleh Allah sepanjang waktu," kata Perdana Menteri.

Menurut Perdana Menteri, hijrah orang Islam ke Madinah bukan dilakukan secara terburu-buru, tetapi dengan persiapan dan perancangan.